

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MOHD NIZAR B. ZAKARIA (PARIT)**

**SOALAN**

**DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA [ PARIT ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

(a) adakah Kementerian telah memperhalusi cadangan untuk membenarkan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang ditahan di Depoh Tahan Imigresen untuk bekerja; dan

(b) apakah Kementerian melihat majikan masih memerlukan pekerja asing terutamanya dalam frasa pengekangan penularan wabak COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) masih meneliti cadangan pemberian kebenaran bekerja kepada tahanan sedia ada di Depot Tahanan Imigresen dari sudut kebolehlaksanaan dan perundangan termasuklah mempertimbangkan pilihan-pilihan lain yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara dalam konteks pemulihan ekonomi semasa dan pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sebarang cadangan untuk membenarkan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) bekerja untuk merangsang pembangunan semula ekonomi perlu dikaji dan diteliti dengan berhati-hati tertakluk kepada dasar pengambilan pekerja asing dari sudut intensiti keperluan di pelbagai sektor yang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) termasuk inisiatif Kerajaan untuk memartabatkan dasar mengutamakan tenaga kerja tempatan dalam pemberian peluang pekerjaan.